

Islam Memerlukan Tenaga Pemuda-pemudi Kita Yang Berjiwa Progresif dan Dinamis Kalau Tidak Mungkin Kita Akan Lebur Di Tanah Air Sendiri.

(Oleh Abu Yamin Kajat Seri Menanti Batu Pahat)

Dalam zaman kemajuan dan pembangunan ini tenaga pemuda-pemudi Islam adalah sangat-sangat diperlukan, bagi bersama mencari ikhtiar untuk memperkembangkan agama Islam, yang telah disemaikan di Persekutuan Tanah Melayu dan Malaysia, sebagai seorang pemuda dan pemudi “harapan bangsa tunggak negara” mesti bersemangat, bergelora kemajuannya, tajam ingatan, cekap bertindak dan tegas. Tambahan pula darah perjuangan masih kuat, belum ada sifat menyerah, dan belum mahu merasa cukup puas hati dalam segenap lapangan, masih gagah perkasa, seperti pokok yang masih rendang, belum ada perasaan mengalah, belum patah kemajuan, dalam serba-serbi kemajuan, sejarah telah dapat membuktikan semua negara di dalam mengubah keadaan baik dari segala pembebasan negara dari penjajahan, atau mengikis adat lapuk yang merugikan, semuanya menjadi bukti kepada masyarakat bahawa tenaga pemuda-pemudi yang berjiwa progresif, yang berjiwa dinamis berjiwa besar tidak mengenal gagal itulah yang mengambil peranannya yang menentang, seperti di Aljazair pemuda-pemudinya sanggup berkorban harta benda, nyawa sekali dipertaruhkan bagi membebaskan penjajahan Perancis sehingga mendapat kemerdekaan. Tetapi bagaimanakah dengan pemuda-pemudi kita di Malaya? Adakah yang sanggup mencontohi pemuda pemudi Aljazair itu? Kerana di negara kita tidak kekurangan pemuda-pemudi Islam. Tetapi malangnya yang benar-benar berjiwa Islam bersemangat Islam, berpendidikan Islam dan benar-benar bersifat pemuda Islam

memang sangat kecil bilangannya. Berpunca dari kekurangan pemuda Islam yang mengetahui selok-belok agama inilah yang menjadi satu faktor penting kelemahan-kelemahannya.

Belum terlambat lagi

Masanya belum luput lagi bagi pemuda-pemudi Islam di Malaya ini tampil ke hadapan menubuhkan satu barisan-barisan bersatu padu di bawah bendera (*lā ilāha illā Allāhu Muḥammadun rasūlu Allāh*) bendera yang tidak dipengaruhi oleh mana-mana pertubuhan siasah, tidak terikat dengan mana-mana aliran dan fahaman kecuali Islam sahaja. Dan seharusnya pemuda-pemudi Islam yang mengaku dirinya bertanggungjawab terhadap nasib bangsa, agama, negara, hendaklah membuang sifat-sifat hasad dengki, berselisih faham, yang akibatnya mendatangkan perpecahan dan kemunduran semata-mata. Pemuda-pemudi Islam tertuntut sama berjuang mengikut dasar hukum-hukum yang telah dimaktubkan di dalam *al-Qur’ān Al-Karīm*. Dan hadith (S.A.W) unuk menjalankan tugas mengembangkan agama di dunia ini. Dan tidaklah seharusnya pemuda-pemudi Islam melupakan perintah Tuhan yang bermaksud: “Bahawasanya Kami (Tuhan) telah menurunkan al-Qur’an dan Kamilah yang memelihara keselamatannya”, tetapi berhubung kepada menunaikan ajaran-ajarannya tertanggung kepada semua Muslimin dan Muslimat sendiri. Di sini hendaklah kita ingat dan mengambil perhatian dengan penuh keinsafan dan kesedaran yang mendalam. Sebenarnya jika kita kaji amat banyak sekali kewajipan-kewajipan

¹Tatar untuk menguasai negeri mereka setelah mereka itu berjaya sepenuhnya menakluki negeri-negeri Syria, Lubnan dan lain-lainnya dengan pimpinan Timur Leng itu?

Adakah perjumpaan mereka itu untuk memperbincangkan apa yang sepatutnya dilakukan oleh mereka untuk menjaga dan mempertahankan negeri mereka?

Tidak bukan itu perkara yang diperbincangkan oleh tiga bersahabat itu. Kerana perkara yang diperbincangkan oleh mereka bertiga ialah mengenai perkara-perkara yang ada sangkut-pautnya dengan masjid besar yang termahsyur di negeri itu yang bernama Jāmi‘ al-Kabīr, atau Jāmi‘ ‘Umar yang dinisbahkan kepada² Saiyidina ‘Umar bin al-Khaṭṭāb.

Perkara itu ialah mengenai khabar-khabar angin yang sentiasa diberitakan dari semulut ke semulut, dari sezaman ke zaman, mengatakan adanya harta-harta terpendam di Masjid Jāmi‘ tersebut yang telah disembunyikan oleh orang-orang Nasrani di masa Perang Salib, di masa mereka itu menakluki dan memerintah negeri itu, di masa masjid tersebut dijadikan gereja, tatkala menaranya masih digantungi oleh loceng besar dan di puncaknya terpacak dengan tegaknya palang salib.

Dalam majlis perjumpaan yang mengandungi tiga orang sahabat itu: iaitu wali kota yang memerintah daerah itu dengan imam masjid dan saudagar Nasrani (Yuhanna), saudagar tersebut mengeluarkan dari suatu bekas (tempat) yang melonjong panjang, sebuah gulungan kulit rusa yang di atasnya terlukis sebagai peta yang bersimpang perenang, terbayanglah di mata kepala tiga sahabat itu seolah-olah mereka ketiga itu dibawa kembali oleh peta itu ke beberapa ratus tahun silam, di kala tentera-tentera berkuda bertempur di medan perjuangan..... kemudian zaman bersilih ganti dan segala-gala itu hanya menjadi kenangan dan tercatat dalam

sejarah sahaja.

* * *

Pada tahun 1100 Masihi, bersamaan tahun 493 Hijrah, berlakulah Perang Salib yang semakin meluas dan banyaklah negeri-negeri Islam yang tertakluk oleh pihak tentera Salib, hingga mereka itu berkubur dan membuat benteng-benteng pertahanan di suatu tempat yang berhampiran dengan laut manakala panglima perang mereka terus-menerus mengerahkan tenteranya maju dan menakluki beberapa buah negeri lagi yang belum tertakluk. Dan pada tahun itulah pihak tentera Salib dapat memasuki Beirut, dan pada tahun-tahun berikutnya Beirut telah menjadi sebuah benteng pertahanan yang terkuat bagi pihak tentera-tentera Salib, dan dijadikan sebuah kota perniagaan untuk orang-orang orang-orang³ Barat.

Di tengah-tengah kota itu di bekas timbunan runtuh rumah-rumah berhala Rom didirikan oleh mereka sebuah gereja yang dinamakan “Gereja Yuhanna”.

Pada tahun 1115 Masihi bersamaan dengan tahun 508 Hijrah, pembinaan untuk gereja itu telah selesai, berhampiran dengan gereja itu didiami oleh seorang wali kota dari puak Salib yang di bawah kekuasaan raja-raja Ṭarābulus⁴. Dan gereja “Yuhanna” di Beirut itu adalah gereja yang pertama di antara gereja-gereja tiga yang lainnya yang pernah didirikan oleh pihak tentera-tentera Salib di Syria, adapun gereja yang kedua ialah “Gereja Babliyūs” dan yang ketiga “Gereja Ṭartūs”.

Masa beredar, roda dunia berputar, penjajahan datang dan penjajahan pergi. Pada tahun 1291 Masihi bersamaan dengan tahun 690 Hijrah, bangunlah Sultan

¹ Sambungan dari halaman 10

² Pengulangan kata kepada.

³ Pengulangan perkataan orang-orang


⁴ Merujuk kepada Tripoli di bawah pemerintahan tentera Salib (1109-1289).

Salāh al-Dīn Khalīl salah seorang daripada Raja Mesir
XXX¹ angkatan tenteranya untuk menakluki kerajaan-kerajaan yang
belum dapat ditaklukinya. Hingga dapatlah ia masuk dan
menakluki Syria, dan dari sejak itu pula gereja
besar di Beirut itu diolah menjadi masjid dan diberi
gelaran dua nama; Jāmi‘ al-Kabīr. dan Jāmi‘ ‘Umar.

Dari masa itulah ada risikan-risikan dan khabar-khabar
lain yang mengatakan bahawa di bawah bumi masjid itu ada harta-harta
terpendam yang pernah disembunyikan oleh tentera-tentera Salib
termasuk sejumlah besar dari ketul-ketul emas dan perak
serta barang-barang perhiasan wanita, serta alat-alat perang
seperti pedang yang bertatahkan intan pertama ditanam dan

dibenamkan di bawah bumi gereja Yuhanna itu di Beirut sebelum
kota itu dapat ditawan oleh tentera-tentera Islam, yang kemudiannya
gereja itu dijadikan masjid.

Zaman beredar lagi, masa berputar dengan ligatnya
kerajaan-kerajaan yang memerintah Syria silih beganti, dari satu
tangan ke satu tangan lainnya hinggalah sampai ke tahun 1402
Masihi bersamaan tahun 805 Hijrah. Seorang saudagar
Nasrani bernama Yuhanna meminta kebenaran supaya dapat ia
menggali bumi di bawah masjid itu dari wali kota dan
imam masjid itu. Ia berbuat demikian adalah mewakili
sekumpulan kawan-kawan yang seagama dengannya, untuk mencari
harta-harta terpendam yang dianggap sebagai pusaka yang diwarisi



Sebuah roket buatan Republik Arab Bersatu telah dipertunjukkan dalam sebuah perbarisan

besar di Kaherah tak lama dahulu pada masa menyambut hari ulang tahun pemberontakan rakyat Mesir yang kesebelas.

¹ Teks asal tidak jelas.

oleh mereka dari nenek moyang mereka.

Apakah yang menyebabkan Yuhanna membuat tuntutan itu kepada pihak yang berkuasa negeri itu dan kepada imam masjidnya?

* * *

Yuhanna ialah seorang tua pembuat lilin dan lampu-lampu pelita di bandar Beirut, duduk berhampiran dengannya seorang Yahudi bernama Awi Harun, yang terkenal sebagai – seorang kaya yang memiliki banyak harta, tetapi tiada sesiapa yang tahu di mana ia menyimpan segala hartanya tu. Ia hidup sebatang kara di kota itu, kerana anak-anaknya banyak yang telah meninggal dunia, manakala yang lain ada pula yang telah beristeri atau bersuami dan masing-masing tinggal sendiri-sendiri dengan keluarga mereka dan tinggallah orang tua ini sebatang kara.

Awi Harun sentiasa berulang-alik ke rumah Yuhanna, setelah lama ia sengaja menjauhi jirannya itu sebelum mengetahui bahawa jirannya itu daripada orang baik-baik yang patut dihormati.

Pada suatu hari, berlakulah perkelahian antara Awi Harun dengan beberapa orang pemuda-pemuda yang telah rosak akhlaknya, pemuda-pemuda ini beramai-ramai telah seia dan sekata untuk merompak dan menyamun harta benda yang dimiliki oleh orang tua itu.

Belum sempat mereka berbuat apa-apa Yunus dengan adiknya Rafqah telah datang muncul kerana jeritan yang didengarnya daripada orang tua jirannya yang baik hati itu. Melihat demikian itu pemuda-pemuda tadi melarikan diri tetapi setelah dapat mereka menikamkan beberapa kali handjar² mereka ke badan orang tua yang malang itu, dan mencampakkan tubuh orang tua itu ke laut.

Kedua beradik yang tidak tahu asal mulanya

berlaku perkelahian itu segera memberi pertolongan, bila orang tua itu didapatinya masih hidup segera dibawanya mereka ke rumahnya dan diberikan rawatan-rawatan yang sepatutnya. Orang tua kaya itu tahulah ia bagaimanapun baiknya hati jirannya itu anak-beranak, kerana itu tak cukup ia menyebutkan terima kasihnya kepada jirannya anak-beranak yang telah menolongnya di saat ia ditimpa kemalangan itu, malah dipanggilnya jirannya anak beranak itu mendekatinya untuk ia menerangkan sesuatu rahsia yang selama ini dipegang erat tiada seorang pun yang mengetahuinya.



Tuan Rashid Kawada³ Timbalan Presiden “Republik Tanganyika” bergambar dengan Presiden Gamal Abdel Nasser, sewaktu beliau mengunjungi Republik Arab Bersatu untuk mengeratkan perhubungan kedua negeri tersebut.

² Merujuk kepada pisau Parsi.


³ Merujuk kepada Rashidi Mfaume Kawawa.

Awi Harun lalu berkata:

“Saya agak tidak lama lagi saya hidup di dunia ini, keluarga dan anak-anak saya jauh dari tempat ini, kerana itu saya berwasiat supaya diberitahu kepada anak-anak saya bila saya telah meninggal dunia. Supaya mereka itu datang dan mengambil bahagian masing-masing dari pusaka yang saya tinggalkan. Inilah wasiat saya sebagai amanah kepada tuan untuk tuan sampaikan kepada anak-anak saya.... tentang Yunus dan Rafqah yang telah menolong saya, saya hadiahkan ini, satu gulungan peta yang kutulis di atas kulit rusa, peta itu menunjukkan di mana adanya tersimpan harta-harta yang telah disembunyikan oleh pihak tentera Salib di bumi tempat terdirinya gereja “Yuhanna” di Beirut, yang sekarang ini telah menjadi masjid bagi orang-orang Islam.”

Awi Harun diam seketika, kemudian menyambung lagi:

“Jangan kamu hairankan di mana saya dapati dan bagaimana rahsia ini boleh berada di tangan saya. Yang sebenarnya



Keluarga de Almeida sedang asyik membaca kitab suci al-Qur’ān dengan penuh rasa khusyuk dan tawaduk.

bila berlaku peperangan antara tentera-tentera Islam dengan tentera-tentera Salib, kamilah orang-orang Yahudi yang sangat beruntung, kerana itu janganlah engkau semua pelik bagaimana rahsia harta-harta yang disembunyikan itu berada di tangan saya hingga sekarang ini. Dengan relanya saya hadiahkan peta ini kepada anak tuan, Yunus dan Rafqah.... pergilah kamu jumpai wali kota ini dan imam Masjid Jāmi‘ itu, rundingkanlah dengan baik, kerana harta-harta yang tersimpan di bawah gereja yang sekarang ini menjadi masjid bukan sedikit jumlahnya daripada emas perak dan permata-permata yang amat berharga. saya akan turut merasa bahagia, bila segala harta-harta itu akan didapati oleh Yunus dan adiknya Rafqah.”

* * *

Bila Awi Harun telah meninggal dunia, Yuhanna segera membuat perhubungan-perhubungan dengan anak-anak si mati itu dan setelah sempurna dikuburkan si mati dan segala amanat-amanat telah disampaikan kepada anak-anak si mati, Yuhanna mengumpulkannya orang-orang yang seagama dengannya memberitahu apa yang telah berlaku dan meminta kebenaran untuk menjumpai imam Masjid Jāmi‘ itu dan menjumpai wali kota atas nama kaumnya dan orang-orang yang seagama dengannya. Mereka telah berjanji kalau segala harta-harta tersebut dijumpai akan dibahagi sama rata, setelah meninggalkan sedikit bahagian kepada imam dan wali kota itu.

Itulah.....yang ditunggu-tunggukan oleh mereka pada awal cerita ini..... Yuhanna telah lama pergi, dan diagak telah terlambat kembali..... tiba-tiba yang ditunggu-tunggu telah pulang. Yuhanna telah pulang ke rumahnya dan bersama-samanya sepucuk surat kebenaran baginya dan orang-orang yang seagama dengannya untuk menggali bumi di sekitar Masjid Jāmi‘ itu untuk mencari harta rahsia itu.

Pada keesokan harinya mulalah orang-orang Nasrani menggali bumi di sekitar Masjid Jāmi' al-Kabīr di Beirut itu, dengan kebenaran dari pihak yang berkuasa dan orang-orang Islam. Saudagar yang empunya rancangan dan dua beradik Yunus dan Rafqah yang empunya peta wasiat itu turut sama menyaksikan penggalian itu.

Memanglah benar, tidak lama daripada penggalian itu dilakukan mereka telah dapat mengeluarkan beberapa benda-benda ajaib yang menunjukkan lamanya barang-barang tersebut telah tertanam dan disembunyikan di dalam bumi itu, hingga sampailah mereka kepada salah sebuah tunggul lama dari sebahagian bekas-bekas rumah berhala persembahan orang-orang Rom, di mana hampir sahaja ternampak sebuah peta lama yang masih kelihatan baik kerana tahan kayunya dan..... seketika itu dengan tiba-tiba berlaku sesuatu kejadian yang tidak disangka-sangka.....

Ketika itu juga berlakulah gempa bumi di seluruh Syria, Lubnan, sampai ke padang pasir Sina dan lembah Nil dengan dahsyatnya.....

Negeri-negeri banyak yang rosak binasa, bumi-bumi merekah banyak yang menelan korban manusia. Rumah-rumah masjid-masjid dan gereja-gereja banyak yang tumbang. Di daerah Beirut tidak terkecuali daripada menerima bencana akibat gempa bumi yang maha dahsyat itu, di antara yang remuk redam ialah Masjid Masjid Jāmi' al-Kabīr yang dahulunya berasal dari sebuah gereja. Di bawah remuk redamnya masjid itu dengan bumi yang di bawahnya turut tertimbuslah beberapa banyak manusia yang sedang mencari pusaka rahsia harta terpendam sejak zaman tentera Salib itu. Mereka tidak dapat melihat cahaya lagi, dan mereka tidak kembali-kembali lagi ke rumah yang telah turut

remuk-redam kerana gempa bumi itu. Keluarga Yunus dan Rafqah yang masih hidup atau di negeri-negeri lain yang mendengar berita itu menangi mereka.....

Pada kurun yang kesebelas didirikan gereja itu.

Pada kurun yang ketiga belas gereja itu diubah menjadi masjid.

Pada kurun yang kelima belas berlakulah gempa bumi yang mana korban manusia yang bukan sedikit, di antaranya Yuhanna dengan anak-anaknya dan kaum-kaum seagama dengannya yang sedang mencari harta pusaka rahsia itu.

Kemudian daripada itu, masjid tersebut dibina semula hingga menjadi seperti yang ada sekarang ini.

Pada kurun yang kedua pula iaitu pada tahun 1954, ahli-ahli penyelidik telah mendapati di tempat-tempat yang berhampiran dengan kawasan masjid itu di Beirut yang sekarang ini telah menjadi ibu kota kerajaan Republik Lubnan, beberapa barang-barang lama yang diagak telah terpendam dan disembunyikan sejak zaman perang Salib dahulu.

Mungkin akan didapati lagi harta-harta pusaka rahsia itu, jika diadakan penggaliannya lagi, seperti yang pernah didapati sebahagian daripadanya oleh mereka yang turut terpendam kerana gempa yang berlaku pada lima ratus tahun lima puluh tahun dahulu.

Sudah Siap:

PERSURATAN MELAYU III

\$7.00 sa-naskhah

Penerbitan Qalam:

pemuda-pemudi yang mesti dilaksanakan olehnya di hari ini. Terutamanya untuk menyampaikan tabligh agama kepada penduduk-penduduk di tanah air sekalian kerana kewajipan ini bukan semata-mata tertanggung di tengkuk alim ulama, ustaz, pak lebai. Bahkan termasuklah pemuda-pemudi kita yang hanya asyik bersuka-suka dan berfoya dengan kepalsuan hidup setiap waktu yang tidak menghiraukan tugas dan tanggungjawabnya demi perkembangan dan kemajuan agama di negeri ini.

Jangan Tahu Menyalahkan Sahaja

Di Malaya ini memang sudah boleh dikatakan telah menempuh beberapa perubahan semenjak mendapat kemerdekaan dan berkerajaan sendiri. Hal ini hendaknya menjadi satu kemegahan dan peransang kepada pemuda-pemudi Islam untuk

berbakti, berjasa dan mengabdikan diri kepada masyarakat dan jangan pula dengan adanya segala kesenangan, dan kemewahan akan menjadikan diri kita lupa daratan. Lupa Tuhan yang telah memberi rezeki kepada kita sekalian.

Kebanyakan pemuda-pemudi kita di hari ini memang boleh dikatakan mengaku beragama Islam semata-mata kerana mewarisinya dari ibu bapanya disebabkan ibu bapanya beragama Islam, mengenai pelajaran jauh panggang dari api. Padahal kita telah mengetahui jua Tuhan menurunkan al-Qur'ān asas agama Islam bukan tertentu kepada kaum alim ulama, ustaz-ustaz, pak lebai, dan cerdik pandai bahkan meliputi kepada sekalian orang yang mengaku beragama Islam waima Islam keturunan atau Islam tulen, kalau mengikut pengertian yang



Yang Teramat Mulia Perdana Menteri Tengku Abdul Rahman Putra Al-Haj sedang memberi ucapan di Stadium Merdeka di dalam upacara Perisytiharan Malaysia baru-baru ini. (Gambar Ihsan Pejabat Penerangan Kuala Lumpur)

¹ Sebenarnya ialah sambungan dari halaman 27

waras, alim ulama itu adalah sebagai penunjuk jalan atau memberi nasihat. Yang menjalankan tugas yang suci itu sewajibnya ialah pemuda-pemudi. Sebab sifat kepahlawan dalam segala hal masih tetap bersemangat, dan lebih cergas dan berani.

Oleh kerana tugas pemuda-pemudi mengembangkan agama diabaikan lalu tidak disedari pengaruh agama lain meresap ke dalam jiwa anak bangsa kita dan mengakibatkan mereka keluar dari agama. Bila peristiwa sedih itu berlaku lantas alim ulama di negeri ini dituduh kurang mengambil berat dalam urusan agama padahal diri sendiri yang patut dipersalahkan.

Apa yang telah berlaku di negeri Vietnam harus menjadi contoh teladan kepada pemuda-pemudi Islam di negara ini bukan maksud saya menyeru memberontak kepada kerajaan, tidak sama sekali. Yang perlu diambil teladan ialah semangat-semangat pemuda-pemudi Buddha yang sanggup membakar dirinya dan memotong tangannya untuk mempertahankan agamanya begitulah juga hendaknya sikap pemuda-pemudi Islam kita dan kalaulah tidak sanggup berlaku demikian sangat memberi aib, memberi malu kepada umat Islam di negeri ini terutama kepada pemuda-pemudi asing tidak beragama Islam. Hal in seyogianya lekas-lekas disedari oleh pemuda-pemudi kita yang asyik ber-*twist*, berpelesenan di panggung wayang ke sana ke mari seperti yang ada di hari ini di seluruh negeri ini. Dan sewajibnya pemuda-pemudi Islam kita menaruh perasaan cemburu terhadap nasib agama Islam jika dibandingkan dengan kemajuan agama Kristian pada masa ini dan kemudian hari kelak kalau tidak, Islam mungkin akan lebur sama sekali. Tuhan berfirman yang bererti: Tuhan tidak mengubah nasib suatu bangsa melainkan kaum itu sendiri mengubah

nasibnya. Jelasnya Tuhan telah memberi peringatan kepada kita sekalian jangan diharap nasib agama dan bangsa, akan bertambah maju dan bertamadun. Kalau pemuda-pemudi yang berjiwa waja masih saling bercakaran tidak mahu mengaku tunduk dengan undang-undang agama kerana agama adalah sebagai alat pembersih jasmani dan rohani kita juga segala perbuatan dan pekerjaan tidak berjaya kalau tidak dipertalikan dengan agama.

Wa billahi al-tawfīqi wa al-hidāyah.

Buku-buku Pelajaran

Surat-menyurat (Jawi)	\$1.80
Sejarah Ringkas Nabī Muḥammad	1.20
Panduan Membaca dan Menulis Jawi	1.50
Baca I	1.00
Pelajaran Sembahyang I	1.20
Pelajaran Sembahyang II	
Mengenai Imam Makmum, Masbuk dan seumpamanya	1.20
Mari Sembahyang (Lelaki)	1.20
Mari Sembahyang (Perempuan)	1.20
Pesanan tambah 10 sen belanja <i>post</i>	

Pesanlah kepada penerbitnya:

QALAM

356/8 Geylang Road

SINGAPORE 14